

HLB@SCHOOL

classroom
adventures...
EXPLORE • ENGAGE • EMPOWER

JAN 2024
EDISI 11




MEMBUKA KUNCI

USAHAWAN



ANDA!

Pernah tak anda terfikir dari mana datangnya alat permainan kegemaran anda, permainan video ataupun makanan anda? Semua ini wujud kerana usahawan-usahawan yang hebat! Mari kita mulakan pengembaraan untuk mempelajari erti keusahawanan dengan lebih teliti!




APA ITU KEUSAHAWANAN?

Keusahawanan mungkin nampak seperti satu perkataan yang besar tetapi ia bukanlah rumit seperti yang anda fikirkan. Keusahawanan bermaksud memulakan satu perniagaan ataupun projek yang mendatangkan keuntungan. Orang yang melakukan ini dipanggil usahawan. Mereka menghasilkan idea yang hebat dan bekerja dengan keras untuk menjadikan idea tersebut menjadi realiti contohnya permainan video yang anda gemar ataupun perkhidmatan menghantar barang runcit ke rumah.

APA KEMAHIRAN SEORANG USAHAWAN PERLU ADA?

UNTUK MENJADI SEORANG USAHAWAN YANG BERJAYA, ADA BEBERAPA KEMAHIRAN PENTING YANG PERLU KITA ADA:



PENYELESAIAN MASALAH : USAHAWAN MESTI TAHU Mencari penyelesaian kepada masalah yang mungkin timbul.



PENGURUSAN KEWANGAN : MEREKA PERLU BIAK Menguruskan kewangan.



PEMIKIRAN KREATIF : USAHAWAN PERLU CEPAT Untuk memikirkan idea yang baru dan menarik.



BEKERJA KERAS : BERAZAM DAN BEKERJA Dengan tekun merupakan satu kemahiran yang sangat penting

BAGAIMANA ANDA BOLEH MENJADI SEORANG USAHAWAN MUDA?

1

KENALPASTI KEMAHIRAN ANDA: CUBA ANDA MEMIKIR TENTANG APA YANG ANDA SUKA MELAKUKAN DENGAN MAHIR. MUNGKIN IA MEMBUAT KRAFTANGAN, MEMBAKAR BISKUT ATAU PUN MELUKIS. KENALPASTI APA YANG MEMBUAT ANDA MERASA SANGAT GEMBIRA.



2

FIKIRKAN SATU IDEA: SELEPAS ANDA MENGENAL PASTI KEMAHIRAN ANDA, FIKIR TENTANG APA YANG ANDA BOLEH MEMBUAT UNTUK MENJADIKAN KEMAHIRAN ANDA MENJADI SESUATU YANG SANGAT ISTIMEWA. SEBAGAI CONTOH, SEKIRANYA ANDA MAHIR DALAM MEMBUAT KRAFTANGAN, ANDA MUNGKIN BOLEH MENJUAL KAD UCAPAN YANG DIBUAT KHAS MENGIKUT PERMINTAAN.

3

RANCANG PROJEK ANDA: BUAT SESI PERBINCANGAN DENGAN IBU BAPA ATAU GURU TENTANG IDEA ANDA. DAPATKAN NASIHAT MEREKA TENTANG CARA UNTUK MENJADIKAN PERNIAGAAN ANDA BERJAYA. BINCANG TENTANG BELANJAWAN, KOS BAHAN MENTAH, DAN HARGA PRODUK ANDA.



4

DAPATKAN SOKONGAN: INGAT YA, ANDA TIDAK BOLEH MEMBUAT SEMUA PERKARA DENGAN SENDIRI. BINCANG DENGAN IBU BAPA DAN GURU ANDA DAN DAPATKAN KEBENARAN MEREKA DAHULU. MUNGKIN IBU BAPA ANDA BOLEH MENOLONG ANDA DENGAN MEMBUKA SATU GERAJ KECIL DI DEPAN RUMAH DAHULU.

5

MULAKAN DENGAN KECIL-KECILAN: MULAKAN DENGAN PROJEK YANG MUDAH ATAU PUN SATU PERNIAGAAN KECIL DENGAN PEMANTAUAN IBU BAPA ATAU GURU ANDA. SEKIRANYA IA TIDAK BERJALAN SEPERTI YANG DIRANCANG, JANGAN RISAU, KEMBALI KE LANGKAH 1 DAN MULA MERANCANG SEMULA.

6

BERSERONOK SAMBIL BELAJAR: MENJADI SEORANG USAHAWAN SATU PERKARA YANG SANGAT MENARIK, TETAPI IA JUGA SATU PERJALANAN PEMBELAJARAN. ANDA MUNGKIN AKAN MENGHADAPI CABARAN TETAPI IA PASTI AKAN MENGAJAR SESUATU YANG BAHARU.

Apabila anda mula membuat wang, anda bolehlah gunakan wang tersebut untuk memberi keperluan dan kehendak anda. Anda juga boleh menyimpan wang tersebut untuk masa hadapan. Bermula dengan kecil-kecilan, nikmati perjalanan dan mungkin satu hari nanti anda boleh menjadi seorang usahawan yang terkenal!

Itulah langkah-langkah yang anda boleh mengikuti untuk menjadikan idea anda menjadi satu perniagaan yang berjaya. Menjadi seorang usahawan adalah tentang bekerja keras, menyelesaikan masalah dan menjadikan dunia ini menjadi satu tempat yang lebih baik dengan idea-idea anda. Sama seperti pemimpin perniagaan terkenal seperti, Jack Ma, Li Shufu dan Mark Zuckerberg dengan inovasi dan semangat mereka! Terus meneroka dan belajar dan anda boleh mencapai banyak perkara!